

PDRM rakam percakapan Muhyiddin sekali lagi esok

Rakaman berhubung isu 3R, keterangan kes 'fatwa' haram selesai

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekali lagi akan merakam percakapan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, esok.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata rakaman percakapan itu adalah berhubung kenyataannya yang menyentuh isu berkaitan 3R (agama, bangsa, Institusi Diraja) dan polis membuka kertas siasatan selepas satu laporan polis diterima pada 7 September lalu.

"Rakaman percakapan yang akan dibuat esok (Khamis) adalah berhubung kenyataannya berbunyi 'Melayu pada hari ini tidak lagi akan menguasai kerajaan, maknanya orang Melayu sudah hilang kuasa sadar ataupun tidak, betul ataupun tidak'.

"Ucapan berkenaan dibuat ketika Muhyiddin terbabit dalam kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram, Johor, pada 3 September lalu," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Razarudin berkata, rakaman percakapan itu akan dibuat oleh Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 4(A) Akta Kesalahan Pilihan Raya dan Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998," katanya.



Muhyiddin meninggalkan premis MIDA selepas selesai memberi keterangan kepada PDRM, di Kuala Lumpur, (Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

Ucapan Pengerusi Perikatan Nasional itu turut dimuat naik video menerusi Facebook Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Pusat, yang mendapat 3,100 'likes' serta 142,000 'views'.

Isu kes 'fatwa' haram

Terdahulu, sepasukan pegawai polis dari USJT Bukit Aman, merakam percakapan Muhyiddin, berhubung siasatan kenyataannya yang mengeluarkan 'fatwa' haram mengundi Ahli Parlimen Pulau, Suhaizan Kayat ketika kempen PRK Parlimen Simpang Pulai, baru-baru ini.

Razarudin mengesahkan bahawa rakaman percakapan berhubung kes fatwa haram itu selesai dijalankan.

Sementara itu, beliau berkata, Muhyiddin selesai memberi keterangan kepada polis semalam,

berhubung ucapannya ketika berkempen di PRK Parlimen Pulau dan DUN Simpang Jeram, baru-baru ini.

Beliau berkata, pihaknya mengambil rakaman percakapan Pengerusi PN itu di sini, jam 10.25 semalam.

"Pada masa ini, tumpuan USJT Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, akan melengkapkan kertas siasatan berkenaan.

"Proses merakam keterangan berhubung ucapan beliau sudah selesai sepenuhnya dan polis akan melengkapkan siasatan sebelum diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Muhyiddin ketika ditanya berhubung proses keterangan hari ini (semalam), hanya memberi isyarat bagus sebelum menaiki kenderaan dan beredar menuju ke Parlimen.

Terdahulu, Muhyiddin dilihat masuk ke bangunan terbabit pada jam 9.28 pagi menaiki kenderaan pelbagai guna Vellfire.

Sabtu lalu, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay dilaporkan berkata, pihaknya akan memanggil Muhyiddin pada hari ini untuk diambil keterangan.

"Ada dua kertas siasatan dibuka terhadap Tan Sri Muhyiddin susulan kenyataan beliau berkaitan 'fatwa' dan kenyataannya berkenaan orang Melayu akan hilang kuasa, jadi, kita akan panggil beliau untuk keterangan," katanya.